

Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Istimewa Isnin

Tempoh Kempen

Kempen Istimewa Isnin Hong Leong Bank Berhad (**HLB**) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (**HLISB**) (secara kolektifnya akan dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 1 Januari 2019 dan akan tamat pada 14 Januari 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**"), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat ("T & S")

Berikut adalah terma dan syarat yang dikuatkuasakan di atas Kempen:-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan individu Malaysia ("**Pelanggan**") yang:-
 - (a) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan tahunan minima sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
 - (b) Berumur di kalangan umur 21 sehingga 60 tahun;
 - (c) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB ("**Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i**")
 - (d) memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB dengan amaun minima Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan amun minima Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) (kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB dirujuk sebagai "**Kemudahan**") melalui saluran permohonan seperti yang tertakluk di klausanya seterusnya semasa Tempoh Kempen untuk tempoh pinjaman/pembiayaan-i iaitu dua hingga lima (2-5) tahun ("**Tempoh Kemudahan**")
 - (e) permohonan untuk Kemudahan dibuat dan dihantar melalui mana-mana saluran permohonan: cawangan bank, AM:PM *Convenient Banking Branches*, jualan terus, jualan telefon, www.hlb.com.my/supermonday ("**Laman Sesawang Kempen**") atau Connect Atas Talian/Aplikasi ("**Connect**")
 - (f) penyaluran Kemudahan yang diluluskan dibuat oleh Bank pada/sebelum 14 Februari 2019. Untuk tujuan kejelasan, Pelanggan yang memilih untuk membuat permohonan melalui Connect tidak harus memegang sebarang Kemudahan sedia ada.
2. Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria di Klausu 1 di atas akan ditakrifkan sebagai "**Pelanggan Layak**". Untuk mengelakkan dari kecurigaan, Pelanggan tidak layak menjadi Pelanggan Layak sekiranya Kemudahan diluluskan kurang daripada RM100,000 dan Bank berhak untuk meluluskan Kemudahan yang kurang daripada RM100,000 atau amun yang kurang daripada amun permohonan Pelanggan. Sebarang pertikaian atau rayuan berkaitan dengan amauan Kemudahan yang diluluskan oleh Bank tidak akan dilayan oleh pihak Bank.
3. Pelanggan yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:

- (a) Pelanggan yang telah disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
- (b) Pelanggan yang dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
- (c) Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.
- (d) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu Kemudahan sedia ada dengan Bank.

Mekanik Kempen

Kadar Keuntungan/Faedah Rata Istimewa Isnin

4. Pelanggan Layak yang membuat permohonan untuk Kemudahan pada setiap hari Isnin semasa Tempoh Kempen, dimana permohonan diluluskan dan penyaluran dibuat selewatnya pada 14 Februari 2019 akan dikenakan kadar faedah/keuntungan tetap seperti yang diilustrasikan di jadual bawah,

Jadual 1: Kadar Faedah/Keuntungan Dikenakan

Hari Permohonan Dibuat	Jenis Kemudahan	Amaun Kemudahan Diluluskan	Kadar Faedah/Keuntungan (Tetap % setahun)	Tempoh Kemudahan
Setiap hari Isnin semasa Tempoh Kempen	Pinjaman Peribadi	RM100,000 - RM250,000	8.00% setahun	2 – 5 tahun
	Pembayaran Peribadi-i	RM100,000 – RM150,000		

Jadual 2: Ilustrasi pembayaran bulanan untuk Kemudahan Diluluskan sebanyak RM100,000 sepanjang tempoh 5 tahun.

Amaun Kemudahan Diluluskan (RM)*	Tempoh Kemudahan (tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) untuk Amaun Kemudahan Diluluskan (RM)	Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)**
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)=(a+d)/(b x 12)
100,000	5	8.00%	40,000	2,335

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif (EIR) berbeza-beza dari 14.13% setahun sehingga 14.68% setahun untuk tempoh 2-5 tahun.


*0.5% dari Amaun Kemudahan akan ditolak dari Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar di atas Kemudahan.

**Ansuran akan dibundarkan atas ke RM5 terdekat.

Rebat Bayar-Tepat-Masa Untuk Kemudahan (“Rebat”)

5. Pelanggan Layak yang telah membuat permohonan untuk Kemudahan semasa Tempoh Kempen dimana Kemudahan diluluskan dan disalurkan oleh Bank pada/sebelum 14 Februari 2019 dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima Rebат Bayar-Tepat-Masa sebanyak 50% di atas kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”).

6. Rebат akan dibayar pada setiap bulan kepada Pelanggan Memenuhi Syarat bermula dari satu (1) hari selepas tarikh matang bayaran bulanan bulan ketujuh (7) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum bayaran terakhir untuk Kemudahan (“Tempoh Rebат”). **Oleh itu, Tempoh Rebат akan sentiasa 12 bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, untuk Kemudahan 60 bulan, Tempoh Rebат efektif ialah 48 bulan. Sila rujuk contoh gambaran di bawah untuk Amaun Kemudahan RM100,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun:



Nota: Tempoh Rebат diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

7. Pengiraan bayaran bulanan selepas Rebат sepanjang Tempoh Rebат adalah seperti diilustrasikan berikut:

Jadual 3: Ilustrasi Kemudahan RM100,000 selama Tempoh Kemudahan 5 tahun yang telah diluluskan

50%Rebat di atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PL (RM)	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebат	Ansuran Bulanan selepas Rebат semasa Tempoh Rebат (dibundarkan kepada RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/Tempoh Rebат	(c) = Bayaran Bulanan – (b)
$RM40,000^* \times 50\%$ = RM20,000	RM20,000/48 bulan = RM417	RM2,335** – RM417 = RM1,920

*Jumlah faedah/keuntungan yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 2

**Ansuran Bulanan adalah seperti diilustrasikan di Jadual 2. Ansuran Bulanan selepas Rebат akan dibundarkan ke atas kepada RM5 terdekat.

8. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebат akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan keenam (6) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang disediakan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.

9. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara tulisan selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang bayaran bulanan bulan ketujuh (7) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebат bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian,

Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebат dari Bank dan sebarang pertikaian atau permintaan untuk pembayaran balik Rebат tidak akan dilayan oleh Bank.

10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebат akan dibatalkan dan bayaran Rebат berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
 - a. Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkait dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - b. notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
 - c. Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.
11. Untuk mengelakkan dari kecurigaan, Rebат adalah tidak berkenaan untuk Amaun Kemudahan RM5,000 – RM99,000. Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk kadar dan rebat yang terpakai untuk amaun Kemudahan RM5,000 – RM99,000:

Jadual 4: Ilustrasi Kadar Keuntungan/Faedah dan Rebат untuk amaun Kemudahan RM5,000 – RM99,000

Saluran Permohonan	Amaun Kemudahan	Tempoh Kemudahan	Kadar Faedah/Keuntungan yang Dikenakan (Tetap % setahun)	Rebat atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Dikenakan Sepanjang Tempoh Kemudahan
SEMUA	RM5,000 – RM99,000		8.00% setahun*	25%

*Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 14.13% setahun sehingga 14.68% setahun untuk tempoh pinjaman/pembiayaan peribadi-i 2 – 5 tahun

Umum

12. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:
 - i. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk dan Terma dan Syarat Pinjaman Perbadji Hong Leong dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong;
 - ii. bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Kempen dan/atau Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my (“Laman Sesawang Bank”) pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikuti sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - iii. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 14 Februari 2019



dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 14 Februari 2019 untuk sebarang sebab sekalipun;

- iv. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan yang diluluskan oleh Bank) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan
- v. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;

13. Bank berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan sebarang sebab;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknya;
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Kempen, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

14. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Bank hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Bank, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

15. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Kempen akan diguna pakai.

16. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

17. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.